



***PENGALAMAN KAUNSELING INDIVIDU DAN KESANNYA TERHADAP
PERKEMBANGAN SAHSIAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA***

MOHD SYUKARMI BIN ZAKARIA

FPP 2016 7



**PENGALAMAN KAUNSELING INDIVIDU DAN KESANNYA TERHADAP
PERKEMBANGAN SAHSIAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD SYUKARMI BIN ZAKARIA

**Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia, sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Julai 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGALAMAN KAUNSELING INDIVIDU DAN KESANNYA TERHADAP
PERKEMBANGAN SAHSIAH PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI
DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD. SYUKARMI BIN ZAKARIA

Julai 2016

Pengerusi : Profesor Madya Jamaludin Bin Ahmad, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Peranan perkhidmatan kaunseling individu di sekolah termasuk membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin pelajar, membantu peningkatan akademik, kepimpinan, kerjaya dan memulihkan masalah sahsiah pelajar di sekolah. Tujuannya supaya setiap pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Dalam sesi kaunseling individu, guru bimbingan dan kaunseling membantu individu membuat pilihan atau keputusan sendiri untuk mencapai sesuatu matlamat. Setelah beberapa dekad perkhidmatan ini wujud di sekolah menengah, persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah keberkesanan kaunseling individu dalam mengembangkan sahsiah pelajar?

Untuk menjawab persoalan ini, tiga objektif kajian telah dibentuk, iaitu: (1) memahami pengalaman kaunseling individu dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor (SMDHL); (2) mengenal pasti pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL dan (3) mengenal pasti kesan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, khususnya kajian kes. Peserta kajian terdiri daripada enam orang pelajar yang pernah menjalani sesi kaunseling individu dan empat orang guru bimbingan dan kaunseling. Data dari temubual separa berstruktur dianalisis menggunakan analisis kandungan dan perisian Atlas-Ti Versi-7.

Analisis berkenaan menghasilkan pelbagai tema bagi setiap soalan kajian (SK). Bagi SK1, tema yang muncul ialah (1) pengalaman guru bimbingan dan kaunseling (PK), (2) pengalaman peserta pelajar (PP) menjalani sesi kaunseling (3) Pengalaman PK menjalankan sesi kaunseling individu. Bagi SK2, lima tema berkaitan faktor perkembangan sahsiah muncul iaitu: (1) faktor pendorong pelajar merujuk kepada PK (2) faktor penghalang; (3) faktor berkaitan proses kaunseling individu yang membantu perkembangan sahsiah

pelajar; (4) faktor selain kaunseling individu yang membantu; dan (5) faktor penambahbaikan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah; Bagi SK3, dua tema muncul iaitu: (1) rumusan PP kesan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah; dan (2) rumusan PK kesan dari kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar.

Secara keseluruhannya, PK menyatakan terdapat tujuh perkara yang membantu perkembangan sahsiah pelajar, iaitu: (1) guru bimbingan kaunseling dan semua pihak harus faham tugas membentuk perkembangan sahsiah pelajar; (2) kaunseling individu harus diberi keutamaan berbanding kaunseling kelompok; (3) perkembangan sahsiah pelajar bermula daripada rumah; (4) ibu bapa harus pandai menilai lakonan anak-anak; (5) beri peluang kepada guru untuk mendidik para pelajar; (6) pelajar yang datang menjalani sesi kaunseling boleh berjaya; dan (7) kerap menjalani sesi kaunseling serta perlu pemantauan yang berterusan terhadap pelajar. Dari pandangan PP pula, terdapat enam kesan perkembangan terhadap sahsiah pelajar yang dapat dibina hasil daripada menjalani sesi kaunseling seperti berikut: (1) bersemangat dan suka bertanya; kedua; (2) rasa lebih baik; (3) rasa diberi perhatian; (4) belajar membuat keputusan sendiri untuk berubah; (5) tidak suka memprotes dan membuat provokasi; dan (6) sedar kesilapan lalu.

Keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kaunseling individu berkesan terhadap perkembangan aspek sahsiah pelajar sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini memberikan implikasi bahawa guru bimbingan dan kaunseling perlu mengutamakan aspek perkhidmatan kaunseling individu di sekolah dan dicadangkan agar kajian pada masa akan datang diluaskan kepada aspek perkembangan disiplin, akhlak, modal insan dan sebagainya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**INDIVIDUAL COUNSELLING EXPERIENCES AND ITS EFFECTS TOWARD
PERSONALITY DEVELOPMENT AMONG SECONDARY SCHOOL
STUDENTS AT HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR, MALAYSIA**

By

MOHD. SYUKARMI BIN ZAKARIA

July 2016

Chairman : Associate Professor Jamaludin Bin Ahmad, PhD
Faculty : Educational Studies

The role of guidance and counselling services in schools include helping schools to deal with students' disciplinary problems, improve academic achievement, leadership, career and treat students personality problems. The aim is that each student is balanced physically, emotionally, spiritually and intellectually. In individual counselling, the guidance and counselling teacher helps clients to make personal choices or decisions to achieve goals. After several decades of existence in secondary schools, the question that arises is how effective has individual counselling been in developing personality of students?

To answer these research questions, three objectives were formed, namely: (1) to understand the individual counselling experiences among students at secondary schools in Hulu Langat district, Selangor (SMDHL); (2) to identify SMDHL students' experiences of individual counselling in enhancing their personality development; and (3) to identify effects of individual counselling that helped in personality development of SMDHL students. To achieve these objectives, this study employed qualitative research design, specifically case study. Participants included six students who had undergone individual counselling and four guidance and counselling teachers. Data from semi-structured interviews were analysed using content analysis and the Atlas-Ti Version-7 software.

The analyses resulted in emergence of various themes for each research question (RQ). For RQ1, the theme that emerged was (1) experiences of guidance and counselling teachers participants (TP), (2) students participants (SP) experiences after undergoing individual counselling (3) TP experiences in conducting individual counselling. For RQ2, five themes related to factors of personality development emerged, namely: (1) factors that encouraged students to refer to TP (2) factors that obstructed; (3) factors related to the

individual counselling process which helped in students personality development; (4) factors other than individual counselling that helped; and (5) factors of improvement in individual counselling toward personality development. For RQ3, two themes emerged, namely: (1) TP reviews regarding individual counselling process that helped in personality development; and (2) SP reviews regarding individual counselling process that helped in personality development.

Overall, TP mentioned seven items that helped in students' personality development, which are: (1) TP and all involved should understand the task of developing students' personality; (2) individual counselling should be given priority over group counselling; (3) students' personality development begins at home; (4) parents should know how to assess children's pretences; (5) let teachers educate students; (6) students who attend counselling sessions can succeed; and (7) frequent attendance in counselling sessions as well as the importance of on-going monitoring of students. From SP perspective, there were six effects on personality development resulting from counselling as follows: (1) motivated and curious; (2) felt better; (3) felt cared for; (4) learned to make own decision for change; (5) did not like to protest and provoke; and (6) became aware of past mistakes.

All in all, the study found that individual counselling is effective in developing the personality aspects of secondary school students in Hulu Langat District, Selangor. The study has an implication for guidance and counselling teachers that they should concern on individual counselling service in school and it is proposed that further studies would be broadened into aspects such as discipline, moral, human capital and so forth.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipersembahkan ke hadrat Allah SWT. di atas limpahan rahmat-Nya, kajian ini dapat disempurnakan penulisannya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat seluruhnya, semoga mendapat anugerah keberkatan syafaat untuk seluruh umat Nabi Muhammad SAW.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua penyelia, khususnya kepada Ketua Penyeliaan Tesis Prof. Madya Dr. Hj. Jamaludin bin Ahmad dan Dr. Maznah binti Baba, merangkap sebagai penasihat akademik, kerana membimbing dengan penuh kesabaran dan komitmen yang tinggi sepanjang dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan ini turut dipanjangkan kepada semua pensyarah yang pernah memberi ilmu kepada saya, sepanjang pengajian ini. Saya juga turut berterima kasih kepada semua peserta kajian dalam kalangan pelajar, guru-guru kaunselor, kepada pihak sekolah yang terlibat dan dua orang pensyarah pakar yang di rujuk iaitu Dr. Mohd. Syakir Rosdi dari ISDEV (Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam), USM dan Dr Razali Othman dari Pusat Islam, UPM.

Salam penghargaan khas buat bonda tersayang Hj. Siti Minah Ibrahim serta ibu mertua Hj. Saodah Abd. Rahman dan isteri tercinta Pn. Fairuz Hartini, juga tiga cahaya mata Nur 'Aisyatun Najahain, Nur Jannatun Nai'mah, Nur Jannatun 'Adni di atas berkat kesabaran kalian semua menanti tugas ini selesai dengan penuh redha dan ikhlasnya. Doa dan Al Fatihah buat Allahyarham ayahanda tersayang Hj. Zakaria Mahmud dan Allahyarham bapa mertua Harun Din, jasa dan bakti kekal terpahat di hati, hanya Allah SWT jualah yang merahmatinya. Penghargaan khas dirakamkan kepada anak saudara Farah Nadia, Lukman Hakim dan Kamil Hasan serta seluruh ahli keluarga dan para sahabat akrab khasnya Sdr. Asyraf Che Amat, Sharifah Nazirah, Khushairi Abd. Karim, En. Roslan Abd. Razak dan Mohd. Alpian Ali yang sentiasa membantu, menasihati serta mendoakan dalam menghidupkan semangat kegigihan yang tinggi sehingga berjaya menghasilkan penulisan ini. Jazakumullahu khairan kathira. Doa dan penghargaan untuk semua yang turut menyumbang dan membantu sehingga dapat menyempurnakan penulisan ini, sebagai persembahan ikhlas buat memperkayakan persada ilmu sarwajagat. Segala yang benar dan murni adalah dari Allah SWT dan segala kesilapan adalah kelemahan dari pengkaji sendiri. Keampunan dan redha-Nya jualah yang dipinta.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 25 Julai 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd. Syukarmi bin Zakaria bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Pengalaman Kaunseling Individu dan Kesannya terhadap Perkembangan Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Wan Marzuki bin Wan Jaafar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hajjah Rusnani binti Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Sidek bin Mohd Noah, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Abdul Malek bin Abdul Rahman, PhD

Profesor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2016

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

JAMALUDIN AHMAD, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

MAZNAH BABA, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau meterial lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integrati ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Mohd. Syukarmi Bin Zakaria, GS 23507

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr Jamaludin Ahmad

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr Maznah Baba

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	xii
JADUAL KANDUNGAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Definisi Konsep Dan Operasional	7
	1.6.1 Pengalaman	7
	1.6.2 Kaunseling Individu	7
	1.6.3 Kesan	8
	1.6.4 Perkembangan Sahsia	9
	1.6.5 Pelajar	11
	1.7 Skop Dan Batasan Kajian	12
	1.8 Sumbangan Kajian	13
	1.9 Organisasi Tesis	14
	1.10 Rumusan	14
2	KAJIAN LEPAS	
	2.1 Pengenalan	15
	2.2 Latar Belakang Teori Kaunseling	15
	2.2.1 Teori Pemusatan Insan Carl Rogers	15
	2.2.2 Teori Gestalt	17
	2.2.3 Teori Rasional Emotif	19
	2.2.4 Kerangka Teoritik Kajian	20
	2.3 Kajian Lepas	22
	2.3.1 Pengalaman Perkhidmatan Kaunseling Individu	22
	2.3.2 Kepentingan Kaunseling Individu di Sekolah	23
	2.3.3 Kesan Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Sahsia Pelajar Di Sekolah	26
	2.3.4 Kehadiran Pelajar Ke Sesi Kaunseling	29

2.3.5	Kemahiran Menjalani Sesi Kaunseling Individu	30
2.4	Analisa Kajian Lepas	31
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.6	Rumusan	33
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Subjek Kajian	35
3.3.1	Kajian Rintis	37
3.3.2	Lokasi Kajian	38
3.4	Instrumen Kajian	39
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	40
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	40
3.6.1	Kaedah Temubual	41
3.6.2	Kajian Kepustakaan	42
3.7	Prosedur Meningkatkan Kesahan dan Kebolehpercayaan	43
3.7.1	Kaedah Triangulasi	43
3.7.1 (a)	Triangulasi Data	44
3.7.1 (b)	Triangulasi Teori	46
3.7.1 (c)	Kebolehgantungan (<i>Dependability</i>)	47
3.7.1 (d)	Kebolehsahan (<i>Comfirmability</i>)	47
3.7.1 (e)	Ketepuan Data	49
3.8	Kaedah Penganalisisan Data	49
3.9	Carta Aliran Pelaksanaan Kajian	53
3.10	Rumusan	54
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	55
4.2.1	Latar Belakang Peserta Pelajar (PP)	55
4.2.2	Latar Belakang Peserta Guru Bimbingan Kaunseling	57
4.3	Persoalan Kajian : Apakah pengalaman para pelajar mengenai sesi kaunseling individu di SMDHL?	
	Pengalaman Para Pelajar Mengenai Sesi Kaunseling Individu di SMDHL	59
4.3.1	Pengalaman Guru Bimbingan Dan Kaunseling (PK)	59
4.3.2	Pengalaman PP Selepas Menjalani Sesi Kaunseling Individu	61
4.3.3	Pengalaman PK Menjalankan Sesi Kaunseling Individu	64
4.4	Persoalan Kajian: Bagaimanakah pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?	
	Faktor-faktor yang membantu kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah	65
4.4.1	Faktor Pendorong Pelajar Merujuk Kepada PK	65

4.4.2	Faktor Kaunseling Individu Yang Membantu Terhadap Perkembangan Sahsia Pelajar	67
4.4.3	Faktor Selain Kaunseling Individu Yang Membantu Terhadap Peningkatan Perkembangan Sahsia	68
4.4.4	Faktor Penghalang Kaunseling Individu Terhadap Keberkesanan Perkembangan Sahsia Pelajar	71
4.4.5	Faktor Penambahbaikan Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Sahsia	73
4.5	Persoalan Kajian : Apakah kaunseling individu berkesan terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL? Rumusan PK dan PP dari kaunseling individu terhadap kesan sahsiah pelajar	74
4.5.1	Rumusan PP Kesan Dari Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Sahsia Pelajar	75
4.5.2	Rumusan PK Kesan Dari Proses Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Sahsia Pelajar	76
4.6	Rumusan	80
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	81
5.2	Hasil Penemuan Utama Dan Rumusan	81
5.2.1	Persoalan 1: Apakah pengalaman para pelajar Mengenai sesi kaunseling individu di SMDHL?	81
5.2.2	Persoalan 2: Bagaimanakah pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar SMDHL?	82
5.2.3	Persoalan 3: Apakah kaunseling individu berkesan terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?	83
5.3	Implikasi Kajian	84
5.3.1	Implikasi Teoritikal	84
5.3.2	Implikasi Praktikal	85
5.3.2 (a)	Implikasi Kepada Negara	86
5.3.2 (b)	Implikasi Kepada Sekolah	86
5.3.2 (c)	Implikasi kepada Masyarakat	86
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	86
5.4.1	Subjek Kajian	87
5.4.2	Bidang Kajian	87
5.4.3	Skop Kajian	87
5.5	Penutup	87
	RUJUKAN	89
	LAMPIRAN	99
	BIODATA PELAJAR	112

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Definisi Pelajar Merujuk Jantina, Tingkatan, Umur dan Jenis Sekolah	11
2.1 Proses Terapi Rasional Emotif	20
3.1 Justifikasi Pemilihan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) Berdasarkan Umur, Latar Belakang dan Pengalaman Kaunselor	36
3.2 Justifikasi Pemilihan Peserta Pelajar Berdasarkan Jantina, Tingkatan, Umur, Pengalaman Sesi Kaunseling dan Kes	36
3.3 Penggunaan Triangulasi Data	44
3.4 Penggunaan Triangulasi Teori	46
3.5 Contoh Ketepuan Data	49
3.6 Hubungan Objektif, Persoalan dan Kaedah Analisis Data	52
4.1 Latar Belakang Peserta Pelajar	56
4.2 Latar Belakang Peserta Guru Bimbingan Dan Kaunseling	57
4.3 Kesan Sesi Kaunseling Individu Terhadap Perkembangan Sahsiah Pelajar	79

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Teoritikal Kajian	21
2.2 Kerangka Konseptual Kajian	33
3.1 Carta Aliran Perlaksanaan Kajian	53



SENARAI SINGKATAN

SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMDHL	Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat
S.K	Soalan Kajian
PK	Peserta Kaunselor (Responden Peserta Guru Bimbingan Dan Kaunseling)
PP	Peserta Pelajar (Responden Pelajar)
GBK	Guru Bimbingan Dan Kaunseling
SWT.	Allah) Subhanallahu Wa Taala)
SAW.	(Rasulullah) Sallallahu Alaihi Wasallam
J-QAF	Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardhu 'Ain
P	Sekolah (P1,P2,P3 dan P4)
PERKAMA	Persatuan Kaunseling Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, kepentingan kajian, sumbangan kajian, skop dan batasan kajian serta organisasi tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian

Usaha pembentukan perkhidmatan kaunseling dalam sistem pendidikan Malaysia telah bermula sejak tahun 1960-an. Menurut Abdul Halim (2000), perkhidmatan kaunseling di Malaysia wujud hasil daripada akuan UNESCO kepada Kementerian Pelajaran Malaysia melalui seorang pakar perundingnya iaitu R.K. MacKenzie dari Kanada. Pakar ini telah melatih pengelola daripada jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dalam hal yang berkaitan dengan bimbingan dan kaunseling dari tahun 1962 sehingga tahun 1963. Lanjutan daripada usaha ini, diterbitkan sebuah buku Perkhidmatan Panduan di Sekolah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1966.

Menurut Abdul Halim (2000) lagi, pada tahun 1980 Persatuan Kaunseling Malaysia atau lebih dikenali sebagai PERKAMA telah ditubuhkan. Kemudian, pada tahun 1998, Akta Kaunselor 580 telah diluluskan oleh Parlimen Kerajaan Malaysia. Dari sini, Lembaga Kaunselor diwujudkan di bawah naungan Menteri di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pada tahun 2003 pula, Laporan Hala Tuju Kaunseling di Malaysia dibentangkan dan diterima oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan ini dijadikan sebagai panduan kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam dalam mengorientasikan program pengajian kaunseling di tempat masing-masing.

Kesungguhan kerajaan dalam pembinaan perkhidmatan kaunseling ini dapat membantu mengengkang masalah yang berlaku di sekolah dari masa ke semasa. Perkhidmatan ini mampu memenuhi keperluan masyarakat kini dalam menyelesaikan masalah. Tambahan pula, ia merupakan proses bantuan yang dijalankan oleh guru bimbingan dan kaunseling bagi mengembangkan pemikiran, menstabilkan perasaan, mengubah tingkah laku pelajar ke arah lebih baik, merupakan satu profesion yang bertujuan untuk mewujudkan manusia yang sejahtera, dan produktif dalam segala aspek kehidupan (Sapora Sipon dan Hapshah Yusof, 2010).

Dalam mengejar pembangunan dan kemajuan dunia hari ini, didapati masyarakat di Malaysia kini sedang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya dalam kalangan remaja. Antara masalah tersebut ialah masalah

buli, ponteng, gengsterisme, merokok, rempit, seks luar nikah, dan pembuangan bayi. Masalah ini semakin hari kian meruncing seiring kemajuan dalam bidang teknologi masa kini. Keadaan ini sudah pasti mendapat perhatian umum tidak mengira lapisan masyarakat. Pelbagai spekulasi positif dan negatif telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak. Namun, strategi dan inisiatif yang dilaksanakan masih belum mencapai tahap yang membanggakan (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Mohammad Nasir Bistaman, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Salim dan Md. Noor Saper, 2009). Walaupun terdapat sesetengah kes yang tidak dapat diselesaikan, namun pendedahan perkhidmatan kaunseling secara meluas terutamanya dalam bidang pendidikan mampu mengurangkan masalah-masalah tersebut (Sapora Sipon dan Hapshah Yusof, 2010).

Untuk itu, perkhidmatan kaunseling yang dijalankan di Sekolah Menengah dikategorikan kepada tiga bahagian. Pertama, kaunseling individu; kedua, kaunseling kelompok; dan ketiga, kaunseling kerjaya (Amla, Zuria dan Salleh, 2006). Daripada ketiga-tiga kategori kaunseling ini, perbincangan dalam kajian ini hanya ditumpukan kepada pendekatan kaunseling individu sahaja.

Perkhidmatan kaunseling individu di sekolah sesuai dilaksanakan bagi membendung pelbagai gejala yang tidak sihat dalam kalangan para pelajar sekolah dengan menyediakan bantuan perkembangan dan pemulihan (Gibson dan Mitchell, 2009). Begitu juga, menurut Fadilah dan Maisarah (2002), kaunseling individu boleh digunakan untuk membantu meningkatkan kualiti diri para pelajar. Proses ini perlu dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya ia memberikan kesan yang mendalam terhadap para pelajar yang terlibat.

Selain itu, menurut Amla, Zuria dan Salleh (2006), kaunseling individu menjadi salah satu input terpenting dalam unit bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kebiasaannya guru bimbingan dan kaunseling akan melaksanakan sesi kaunseling individu ini kepada pelajar perseorangan yang hadir bagi mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Dalam kaunseling individu ini, terdapat tiga perbincangan yang dikenal pasti. Pertama, matlamat kaunseling individu; kedua, penerapan amalan nilai murni; dan ketiga, peranan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Bagi yang pertama iaitu matlamat kaunseling individu, menurut Amla, Zuria dan Salleh (2006), antara matlamatnya ialah memberikan perkhidmatan perkembangan yang meliputi semua aspek perkembangan diri pelajar. Misalnya, memberikan pendedahan kepada pelajar dengan pengalaman tertentu yang selaras dengan peringkat umur, tahap kemampuan dan potensi mereka.

Mizan Adiliah (1992) pula berpandangan bahawa antara matlamat penting yang ingin dicapai dalam perkhidmatan kaunseling di sekolah ialah mengurangkan masalah yang dialami oleh pelajar. Ia dilakukan dengan membantu mereka membina kemahiran-kemahiran supaya dengan sendirinya mereka dapat menguruskan masalah yang dihadapi.

Selain itu, dengan tercapainya matlamat kaunseling individu di sekolah, ia dapat membantu para pelajar untuk mencapai matlamat masing-masing yang

diinginkan. Begitu juga, ia dapat meningkatkan prestasi pembelajaran, mengembangkan potensi agar dapat menghasilkan pembaharuan yang positif dan juga menyumbang kepada keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang diberikan (Amla, Zuria dan Salleh, 2006).

Bagi perbincangan yang kedua iaitu penerapan amalan nilai murni pula, penerapan ini menjadi aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kementerian Pelajaran Malaysia (1993) telah menetapkan bidang agama dan moral yang mengandungi nilai-nilai seperti kepercayaan kepada tuhan, baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesedaran, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat supaya dapat diterapkan kepada para pelajar (Mizan Adiliah, 1992).

Selain itu, perbincangan ketiga ialah peranan dan tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling. Bagi perbincangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993) telah menyenaraikan lima peranan dan tanggungjawab guru bimbingan dan kaunseling di sekolah. Pertama, dalam bidang akademik; kedua, kerjaya; ketiga, psikososial dan kesejahteraan mental; keempat, keibubapaan; dan kelima, menangani masalah pelajar.

Dalam bidang akademik, guru bimbingan dan kaunseling sekolah bertanggungjawab membantu para pelajar dalam pemilihan subjek, mengajar teknik berkesan serta membantu mendapatkan maklumat tentang peluang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam. Bidang kerjaya pula memerlukan guru bimbingan dan kaunseling menjalankan inventori personaliti dan minat pelajar serta mendedahkan pelajar kepada peluang kerjaya yang ada. Seterusnya, dalam bidang psikososial dan kesejahteraan mental, guru kaunseling bertanggungjawab menjalankan ujian personaliti ke atas pelajar, mengajar kemahiran komunikasi, melatih konsep sendiri serta melaksanakan program orientasi seperti ceramah dan sebagainya. Bidang keibubapaan pula memerlukan guru bimbingan dan kaunseling untuk memberi maklumat kepada pelajar tentang isu-isu kekeluargaan melalui forum, bengkel, seminar dan sebagainya (Malek, 2007).

Bagi peranan guru bimbingan dan kaunseling pula, Malek (2007) berpandangan untuk menangani masalah pelajar, guru bimbingan dan kaunseling harus berusaha untuk mengelakkan pelajar daripada terlibat dengan salah laku disiplin. Antara salah laku tersebut ialah seperti vandalisme, penyalahgunaan dadah, merokok, minum arak, membuli, dan tingkah laku anti sosial. Selain itu, kaunseling individu juga memberikan perkhidmatan pemulihan iaitu dengan bertujuan untuk memulihkan semula pelajar yang mempunyai masalah peribadi, pelajaran, dan kerjaya. Pemulihan ini dilakukan supaya para pelajar terus bersemangat mengharungi halangan dan terus berjaya dalam kehidupan mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang kajian yang dibincangkan sebelum ini, kaunseling individu dilihat mempunyai peranan utama dalam perkembangan sahsiah pelajar pada peringkat sekolah. Kaunseling individu penting dalam menangani masalah seperti tidak dapat menumpukan kepada pelajaran, pencapaian akademik yang rendah, salah laku disiplin, dan masalah komunikasi dengan masyarakat, keluarga, dan guru-guru (Zainuddin Abu, Zuria Mahmud dan Salleh Amat, 2008).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kaedah hukuman atau dendaan kepada para pelajar di sekolah seperti dibuang sekolah tetap dilaksanakan. Hal ini seperti yang berlaku di salah sebuah SMK di Johor Bahru. Masalah disiplin pelajar yang semakin meningkat saban tahun menyebabkan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pekeliling Peraturan dan Hukuman (2002) melaksanakan beberapa peraturan dan hukuman yang setimpal bertujuan untuk membendung segala salah laku pelajar daripada terus berlaku. Di antara hukuman yang dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui pihak sekolah ialah hukuman rotan, gantung sekolah, buang sekolah, surat amaran, denda, tahanan dan lain-lain yang bersesuaian (Abu Bakar, Zainudin Tawil dan Jani, 2010).

Dengan pelaksanaan hukuman tersebut sebagai langkah terakhir menangani masalah pelajar, telah menimbulkan persoalan adakah kaunseling individu ini tidak berkesan membentuk sahsiah pelajar? Apakah kaedah berbentuk hukuman tersebut lebih berkesan berbanding dengan kaedah kaunseling individu? Adakah guru bimbingan dan kaunseling menggunakan pendekatan yang tepat ketika menjalani sesi kaunseling? Atau pun, adakah disebabkan kekurangan tenaga guru-guru kaunseling yang profesional dan terlatih di sekolah?

Daripada persoalan-persoalan tersebut, untuk jangkaan awal, hal ini adalah disebabkan dua permasalahan. Pertama, pelajar kurang mendapat pendedahan; dan kedua, para guru kurang menggalakkan pelajar untuk menjalani sesi kaunseling. Bagi masalah yang pertama iaitu pelajar kurang mendapat pendedahan, misalnya menurut Kartina (1991), para pelajar di dua buah Sekolah Menengah di Johor yang melibatkan seramai 120 orang pelajar Tingkatan 4 kurang mendapat pendedahan tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Para pelajar kurang memberi sambutan kepada perkhidmatan kaunseling kerana mereka kurang jelas mengenai peranan sebenar guru kaunseling dan perkhidmatannya.

Begitu juga, menurut kajian Mohamad Ghazali (1986) yang melibatkan seramai 100 orang pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz. Mereka juga telah mempamerkan sikap kurang berminat terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah tersebut. Data yang terkumpul menunjukkan bahawa hanya 18% pelajar sahaja pernah bertemu dengan guru bimbingan dan kaunseling. Para pelajar hanya berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling apabila mereka merasakan perlu untuk berjumpa.

Bagi masalah yang kedua pula iaitu para guru di sekolah kurang menggalakkan pelajar untuk menjalani sesi kaunseling, hal ini dijelaskan oleh Suradi Salim (1994). Menurut beliau, kajian telah dilakukan terhadap guru-guru kaunseling yang melibatkan 818 buah Sekolah Menengah (707 buah Sekolah Menengah campuran, 68 buah Sekolah Menengah perempuan dan 39 buah Sekolah Menengah lelaki) di seluruh Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa terdapat sikap dan persepsi negatif dalam kalangan guru-guru terhadap pelaksanaan sesi kaunseling individu. Malah, pihak pentadbir sekolah juga tidak menggalakkan para pelajar untuk berjumpa dengan guru kaunseling ketika waktu kelas sedang beroperasi.

Menurut Suradi Salim (1994) lagi, pihak pentadbir merasa risau sekiranya pelajar tersebut ketinggalan dalam pelajaran disebabkan selalu menjalani sesi kaunseling individu. Hal ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Tan (2000) bahawa guru-guru kurang memberikan galakan kepada para pelajar untuk mengikuti sesi kaunseling individu. Oleh yang demikian, menurut Cooper dan Sheffield (1994), mereka menyatakan bahawa keadaan ini merugikan para pelajar itu kerana kesan daripada kurangnya bertemu dengan guru kaunseling menyebabkan mereka kurang berminat untuk belajar dan menimbulkan masalah disiplin yang baru.

Maka timbulnya persoalan, apakah para pelajar di Sekolah Menengah ini tidak sedar bahawa kewujudan perkhidmatan kaunseling dapat membantu mereka dalam membentuk perkembangan sahsiah yang lebih baik? Pelbagai usaha lain yang telah dilakukan terutama di sekolah rendah seperti program J-QAF (Jawi, al-4NDQ SDE GDQ)DUGKXQ DOJ WHODK GLSHUNHQDONDQ NASDG pelajar beragama Islam sejak tahun 1 mulai tahun 2005 dan begitu juga mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan yang diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar sekolah rendah Tahun 4 dan juga Tingkatan 1 bagi sekolah menengah, dan program PLKN (Program Latihan Khidmat Negara) telah mengurangkan kehendak pelajar untuk menjalani sesi kaunseling. Kemungkinan juga, pengalaman-pengalaman yang mereka telah lalui dalam sesi kaunseling tidak mampu membantu meningkatkan sahsiah mereka. Sememangnya, kesemua program yang disebutkan sebelum ini dilakukan adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai peranan, hak dan tanggungjawab ke arah perkembangan sahsiah dalam kalangan pelajar (M. Asrar Sidon dan Badlihisam M.Nasir, 2012).

Selain itu, tidak dinafikan bahawa terdapat guru-guru bimbingan dan kaunseling yang memberikan komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan tugas mereka (Fletcher Florence, 2007). Namun, sejauh manakah mereka mampu melaksanakan sesi kaunseling individu tersebut secara lebih berkesan? Apakah kemahiran kaunseling yang sepatutnya digunakan? Apakah guru-guru kaunseling tidak menyedari tentang pelbagai kemahiran yang boleh dijalankan dalam sesi kaunseling?

Maka dengan permasalahan tersebut telah timbul beberapa persoalan oleh pengkaji, iaitu apakah pengalaman pelajar menjalani sesi kaunseling individu di sekolah telah mencapai matlamatnya dalam melahirkan pelajar bersahsiah cemerlang dalam peningkatan akhlak, disiplin, pelajaran dan sebagainya.

Begitu juga berkemungkinan terdapat faktor-faktor yang lain di temui dalam membantu terhadap kesan perkembangan sahsiah di sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif di atas, beberapa persoalan kajian telah digariskan. Persoalan kajian ini penting untuk menstrukturkan dan mensistematikkan kandungan kajian. Ia dibina selaras dengan kehendak kajian yang ditetapkan. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

1. Apakah pengalaman para pelajar mengenai sesi kaunseling individu di SMDHL?
2. Bagaimanakah pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?
3. Apakah kaunseling individu berkesan terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan meneroka pengalaman sesi kaunseling individu yang telah dijalankan kepada pelajar Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor (SMDHL).

Secara khususnya pula, terdapat tiga objektif khusus seperti berikut:

1. Memahami pengalaman kaunseling individu dalam kalangan pelajar di SMDHL.
2. Mengenal pasti pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL.
3. Mengenal pasti kesan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini terdapat tiga persoalan kajian yang patut dijawab untuk mencapai tiga objektif kajian ini. Bagi mencapai objektif pertama iaitu, memahami pengalaman kaunseling individu dalam kalangan pelajar di SMDHL terdapat satu persoalan kajian yang harus dijawab iaitu apakah pengalaman para pelajar mengenai sesi kaunseling individu di SMDHL?

Bagi objektif kedua pula, iaitu mengenal pasti pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL terdapat satu persoalan kajian yang harus dijawab. Persoalan tersebut ialah bagaimanakah

pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?

Begitu juga, objektif ketiga iaitu, mengenal pasti kesan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL terdapat satu persoalan kajian sahaja yang harus dijawab. Persoalan tersebut ialah Apakah kaunseling individu berkesan terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL?

1.6 Definisi Konsep dan Operasional

Bahagian ini menghuraikan definisi kata-kata kunci. Tujuannya adalah untuk menjelaskan definisi yang dipakai dalam kajian ini. Terdapat lima kata kunci yang diuraikan. Kata-kata kunci tersebut ialah pengalaman, kaunseling individu, kesan perkembangan, sahsiah dan pelajar Sekolah Menengah. Penjelasan tentang kata-kata kunci ini memandu pengkajian ini agar terfokus berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.

1.6.1 Pengalaman

Pengalaman membawa maksud perkara yang telah dialami, dirasai atau ditempuh (Kamus Dewan, 2005). Manakala istilah pengalaman menurut Manulang (1984) ialah peristiwa yang benar-benar pernah dialami dan dapat diungkapkan peristiwa tersebut secara mengemukakan atau memaparkan suatu peristiwa atau pengalaman yang pernah dialami berdasarkan urutan waktu terjadinya peristiwa itu.

Dalam konteks kajian ini, definisi pengalaman yang dimaksudkan ialah perasaan, pemikiran dan tingkah laku para pelajar yang dinilai selepas menjalani dua hingga enam sesi kaunseling individu yang melibatkan para pelajar lelaki dan pelajar perempuan berumur 15-17 tahun daripada sekolah menengah dalam daerah Hulu Langat, di Negeri Selangor.

Hal ini boleh dirujuk , pengalaman peserta pelajar sebanyak empat hingga lima kali menjalani sesi kaunseling. Peserta pelajar pernah menjelaskan bahawa mereka meyakini sesi kaunseling sememangnya menjadi tempat untuk meningkat motivasi, sebagaimana penjelasan berikut:

³Saya dah tahu dah biasa unit kaunseling ada di sekolah ni dan saya tau unit kaunseling ini adalah tempat untuk menyelesaikan masalah juga tempat dapatkan motivasi dari guru kepada pelajarnya. Itu la saya tau encik, dah 4 hingga NDOL´

1.6.2 Kaunseling Individu

Kaunseling didefinisikan sebagai satu proses seorang kaunselor menolong individu atau individu-individu secara memberi bimbingan, bagi membuat

pilihan atau keputusan sendiri untuk mencapai sesuatu matlamat (Aziz Salleh, 1994). Sementara itu, Aminah, Rusnani dan Nordin (1985) dalam Amaludin (2008) pula mendefinisikan kaunseling dengan lebih terperinci iaitu proses menolong tetapi bukannya memberi nasihat. Dalam proses menolong tersebut, kaunselor terlatih membina perhubungan profesional dengan klien dan membimbing mereka supaya faham tentang diri dan sedar tentang kelebihan dan kekurangannya. Dengan kesedaran ini, klien dapat memahami realiti hidup lalu membuat rancangan untuk masa hadapan. Segala pilihan dan keputusan bukannya datang daripada kaunselor tetapi daripada klien sendiri. Peranan kaunselor hanyalah membimbing klien dalam proses membuat pilihan dan keputusan.

Selain itu, Zuraidah Abdul Rahman (2002) telah mentakrifkan kaunseling individu sebagai satu perhubungan yang bersemuka di mana seseorang klien mendapat bantuan daripada seorang kaunselor. Perhubungan tersebut disifatkan oleh ciri-ciri seperti penerimaan klien secara tulen, saling hormat menghormati dan penekanan terhadap keperluan-keperluan dan perasaan klien.

Guru bimbingan dan kaunseling membantu pelajar menyelesaikan konflik yang masih belum diselesaikan dengan menyediakan kepada mereka satu situasi pembelajaran yang membolehkan pelajar mengenali diri, membuat perkembangan, menukar sikap dan membuat keputusan bagi memenuhi keperluan diri mereka. Tujuan akhir kaunseling individu di sekolah pula tentu sekali adalah untuk meningkatkan sahsiah pelajar, iaitu memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Amaludin, 2008).

Dalam konteks kajian ini, definisi yang digunakan adalah merujuk kepada definisi yang dikemukakan oleh Zuraidah Abdul Rahman (2002). Takrifan beliau mengenai kaunseling individu ialah satu komunikasi bersemuka antara seseorang klien bagi mendapatkan bantuan dengan seorang guru bimbingan dan kaunseling. Definisi ini sesuai dengan kajian ini yang memfokuskan implikasi sesi kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar sekolah menengah di daerah Hulu Langat, Selangor.

1.6.3 Kesan

Kesan bermaksud tanda, bekas, jejak, tapak akibat daripada hasil kebaikan atau keburukan. Sesuatu tindakan itu dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya. Misalnya, makan ubat diabetes mengakibatkan kesan terasa lapar dan dahaga. Sesuatu peristiwa itu menimbulkan kesan yang sangat mendalam pada dirinya (Kamus Dewan, 2005).

Kesan di sekolah boleh diukur berasaskan hasil berbentuk pencapaian akademik dan bukan akademik seperti disiplin murid, konsep sendiri, kepuasan kerja guru dan sebagainya. Kesan sesebuah sekolah berbeza mengikut negara, budaya dan lokasi yang berlainan (Rahimah, 1998).

Menurut Levine dan Lezotte (1990), ukuran sekolah berkesan yang telah digunakan oleh kebanyakan penyelidik ialah pencapaian dalam mata pelajaran tertentu seperti matematik, sains atau bahasa, kehadiran pelajar ke sekolah dan kepuasan pelajar. Daripada definisi kesan yang dijelaskan tersebut, maka secara rumusannya definisi kesan ialah hasil pencapaian yang boleh diukur berdasarkan tanda, bekas, jejak, dan tapak.

Dalam konteks kajian ini, kesan yang dimaksudkan adalah dari segi keberhasilan kaunseling individu menurut pengalaman pelajar menjalani sesi kaunseling individu sama ada meningkatkan perkembangan sahsiah dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani para pelajar tersebut atau pun sebaliknya. Terdapat empat tumpuan khusus dalam kajian ini yang memfokuskan keberkesanan sesi kaunseling untuk menilai perkembangan sahsiah pelajar. Pertama, mampu menyelesaikan masalah; kedua, menjadi tempat kepercayaan pelajar; ketiga, menjadi tempat motivasi; dan keempat, menjadi tempat perkongsian masalah.

Merujuk dari kajian ini, kesan sesi kaunseling individu, adalah melihat kepada sejauh mana peserta pelajar berjaya dibentuk perkembangan sahsiahnya, sebagaimana jawapan yang ditemui seperti berikut ;

5DD UDD MDGL EHUWDPEDK MPDQJDDA terima kasih banyak-banyak kat cikgu, khasnya cikgu kaunseling. Dulu saya ni agak pendiam, sekarang dah semangat dalam kelas. Saya suka bertanya kepada guru dan jumpa guru kalau tak faham. Dulu saya malu-malu nak tanya soalan, rasa takut pun ade, sekarang dah ok. Lebih EDLNODKGDULSDGDMEHORWX

³Saya rasa memang perlu sangatlah pelajar-pelajar berjumpa dengan guru kaunseling supaya mudah menyelesaikan masalah dan kita selalu akan diberi perhatian dalam pelajaran dan lain-lain PDVODK'

1.6.4 Perkembangan Sahsiah

Terdapat dua istilah yang didefinisikan di sini iaitu definisi perkembangan dan definisi sahsiah. Definisi-definisi ini kemudiannya tersebut digabungkan menjadi satu definisi perkembangan sahsiah yang digunakan dalam kajian ini.

Perkembangan bermaksud perihal proses berkembang menjadi maju dan meluas mengikut keadaan (Kamus Dewan, 2005). Menurut Akhmad Sudrajat (2008), perkembangan merupakan suatu proses yang pasti dialami oleh setiap individu. Perkembangan bersifat kualitatif dan berhubungan dengan kematangan seorang individu yang ditinjau dari sudut perubahan yang bersifat progresif serta sistematik dalam diri manusia. Ia dapat diertikan sebagai perubahan yang sistematik, progresif dan berkesinambungan dalam diri individu sejak lahir sehingga ke akhir hayatnya atau dapat diertikan pula

sebagai perubahan-perubahan yang dialami individu menuju tingkat kedewasaan atau kematangannya.

Menurut Siti Aminah Soepalarto (2008) pula, perkembangan adalah proses yang berlangsung sejak lahir dan sesudahnya melibatkan badan, otak, kemampuan dan tingkah laku pada masa usia dini, kanak-kanak dan dewasa. Artinya, sepanjang hidup merupakan suatu rangkaian proses yang terus berlanjut meliputi perkembangan, pertumbuhan dan kematangan sama ada fizikal mahu pun mental.

Tambahan pula, menurut Davinson (2005), perkembangan cenderung kepada perubahan secara kualitatif dan ke arah lebih baik dari segi pemikiran, rohani, moral dan sosial. Perkembangan juga boleh didefinisikan sebagai perubahan tingkah laku yang tersusun dan teratur. Semua perubahan dalam perkembangan ini akan membantu individu dalam proses mencapai kematangan. Dengan kata lain, perkembangan boleh juga dianggap sebagai proses individu itu mencapai kematangan, pengukuhan dan kestabilan.

Berdasarkan penjelasan definisi perkembangan yang dikemukakan sebelum ini, ia dapat dirumuskan sebagai perubahan yang teratur berdasarkan pengaruh luaran dari segi pemikiran, rohani, moral dan sosial yang membina kematangan seseorang.

Bagi definisi sahsiah pula, dari sudut bahasa ia berasal dari bahasa Arab *Al-Syakhs* bermaksud sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan seorang yang lain (Kamus Al-Munjid, 1982). Sahsiah juga bermaksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2005). Dalam kamus sosiologi, sahsiah ialah proses yang dialami seseorang sehingga mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berbeza dengan rakannya (Soerjono Soekanto, 1983).

Dari sini Kagan (1988) mentakrifkan pula sahsiah sebagai corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi cara dia berfikir, merasai, bertindak laku dan cara berhubungnya dengan alam sekitar. Begitu juga, menurut takrifan Ee Ah Meng (1997) sahsiah merujuk kepada perkembangan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Hal ini dapat dirumuskan bahawa sahsiah merangkumi perangai, kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai.

Daripada definisi perkembangan dan sahsiah yang dikemukakan tersebut, dapat digabungkan kepada satu definisi perkembangan sahsiah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi tersebut ialah sesuatu tindakan yang berhasil melakukan perkembangan sahsiah pelajar daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik sama ada dari segi pemikiran, rohani, moral dan sosial.

Dalam konteks kajian ini, definisi perkembangan sahsiah yang sesuai merujuk kepada sikap keperibadian pelajar sekolah menengah di daerah Hulu Langat yang berpengalaman menjalani sesi kaunseling individu, dalam membentuk perkembangan sahsiah mereka mengikut penyesuaian hidupnya dengan alam sekeliling yang berubah-ubah bagi mencapai keseimbangan mereka.

Perkembangan sahsiah tersebut mempamerkan kesan sesi kaunseling individu yang dijalankan ini mampu meningkatkan perkembangan sahsiah terhadap pelajar. Pertama, sudah bersemangat dan suka bertanya; kedua, rasa lebih baik; ketiga, rasa dijaga; keempat, belajar membuat keputusan sendiri untuk berubah; kelima, tidak suka melawan dan cari gaduh; dan keenam, sedar kesilapan lalu.

1.6.5 Pelajar

Pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut universiti atau orang yang mengkaji ilmu (Kamus Dewan, 2005). Menurut Mohamed Noor Mohid (2004), kata asal bagi pelajar adalah 'ajar' yang bermaksud didik, latih, pelihara, jaga, asuh, bimbing, hukum, pukul dan marah. Pelajar pula bermaksud penuntut, murid, orang yang sedang belajar dan orang yang menyelidiki serta memahami ilmu.

Pelajar yang dimaksudkan bagi definisi konseptual dari kajian ini merujuk kepada definisi yang dijelaskan oleh Mohamed Noor Mohid (2004). Definisi ini dikhususkan kepada maksud penuntut, murid, orang yang sedang belajar dan orang yang menyelidiki ilmu.

Dalam konteks kajian ini, pelajar yang dimaksudkan berasal daripada empat buah sekolah di Daerah Hulu Langat, Selangor. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Kajang Utama, Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah. Merujuk Jadual 1.1, dipilih tiga orang pelajar perempuan dan tiga orang pelajar lelaki sebagai peserta kajian pelajar. Tiga daripadanya bersekolah di SMK dan tiga lagi berasal daripada SMA. Mereka berumur dalam lingkungan 15 hingga 17 tahun, kebanyakannya menghadapi masalah disiplin.

Jadual 1.1: Definisi Pelajar Merujuk Jantina, Tingkatan, Umur dan Jenis Sekolah

Peserta Pelajar (PP)	Jantina	Tingkatan	Umur (Tahun)	Jenis Sekolah
PP 1	Lelaki	5 Amanah	17	SMK
PP 2	Perempuan	3 Fatonah	15	SMK
PP 3	Lelaki	5 Neptune	17	SMA
PP 4	Perempuan	5 Mustari	17	SMA
PP 5	Lelaki	5 Ikhlas	17	SMK
PP 6	Perempuan	5 Ibnu Sina	17	SMA

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini merangkumi pengalaman sesi kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar. Ia mengandungi tiga bahagian. Pertama, memahami pengalaman kaunseling individu dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor (SMDHL), kedua mengenal pasti pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL dan ketiga mengenal pasti kesan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar di SMDHL.

Batasan-batasan kajian pula adalah seperti berikut:

- i. Batasan subjek kajian: Subjek kajian ini terbatas kepada pengalaman kaunseling individu yang telah dijalani daripada para pelajar Sekolah Menengah di daerah Hulu Langat, Selangor (SMDHL). Kemudian, ia terbatas untuk melihat perkembangan sahsiah pelajar dan kesan daripada penerimaan setelah menjalani kaunseling individu tersebut.
- ii. Batasan tempat: Kajian ini hanya melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Kajang Utama, Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah. Pemilihan sekolah di sekitar Daerah Hulu Langat ini berdasarkan tiga faktor. Pertama, sekolah-sekolah yang dipilih merupakan antara dua sekolah yang terbaik di Daerah Hulu Langat dan dua sekolah yang terendah dari segi prestasi akademik dan bermasalah sosial. Kedua, sekolah-sekolah tersebut menggunakan antara tiga teori yang dibincangkan dalam kajian ini. Ketiga, sekolah-sekolah tersebut mewakili sekolah yang berada dalam bandar dan di luar bandar. Faktor-faktor pemilihan sekolah-sekolah ini telah mengambil kira populasi dan ciri-ciri yang dapat menjawab persoalan kajian dan dapat mencapai objektif kajian.
- iii. Batasan bidang: Kajian ini terbatas kepada dua bidang sahaja, iaitu kaunseling individu dan sahsiah pelajar. Dua bidang ini adalah berkaitan antara satu sama lain. Ia penting untuk menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan masyarakat.
- iv. Batasan bentuk kajian: Kajian ini berbentuk kualitatif yang merangkumi data primer dan data sekunder. Bagi data primer, kaedah temu bual telah ditumpukan hanya kepada para pelajar dan guru-guru yang terpilih sahaja. Pemilihan pelajar ini dilakukan berdasarkan rekod pelajar tersebut yang berpengalaman menjalani lebih dari dua sesi kaunseling individu dalam masalah disiplin, manakala pemilihan guru-guru pula adalah berdasarkan guru bimbingan dan kaunseling yang berpengalaman dalam sesi kaunseling di sekolah yang terlibat selama lebih 5 tahun. Untuk data sekunder pula, kajian kepustakaan digunakan bagi mengambil data daripada buku, jurnal, tesis dan sebagainya.

1.8 Sumbangan Kajian

Setelah meneliti karya dan kajian berkaitan pengalaman menjalani kaunseling individu dan kesan perkembangan sahsiah terhadap pelajar, terdapat empat perkara yang disumbangkan melalui kajian ini. Pertama, sumbangan dari sudut keilmuan; kedua, sumbangan dari sudut bidang; ketiga, sumbangan kepada pihak sekolah; dan keempat, sumbangan kepada negara.

Sumbangan pertama ialah dari sudut keilmuan. Perkara ini adalah merujuk kepada penemuan baru yang dapat dihasilkan. Penemuan ini adalah merujuk kepada pendekatan kaunseling individu yang lebih sesuai difahami pada peringkat ibu bapa, mahu pun guru-guru. Apabila pendekatan ini difahami, ia mampu memberikan sumbangan besar bagi membentuk kehidupan yang harmoni dan mengelak daripada berlakunya pertelingkahan atau perselisihan antara ibu bapa dengan guru.

Sumbangan kedua pula ialah dari sudut bidang. Hal ini melibatkan perkembangan bidang yang utama iaitu bidang kaunseling individu. Perkara ini merupakan sumbangan besar apabila bidang kaunseling individu di sekolah pada peringkat Hulu Langat belum lagi dilakukan oleh mana-mana pengkaji seperti yang diteliti dalam analisis sorotan kajian dan sorotan karya. Tambahan pula, apabila bidang kaunseling individu ini dihubungkan pula dengan perkembangan sahsiah pelajar, maka bertambahlah satu lagi sumbangan baru dalam bidang ini.

Sumbangan ketiga pula ialah sumbangan kepada pihak sekolah. Sumbangan ini berlaku apabila timbulnya dua sumbangan di atas yang melibatkan sumbangan dari sudut ilmu pengetahuan dan perkembangan bidang kepada penumpuan yang baru. Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk mengenalpasti status perkhidmatan kaunseling dan permasalahan pelajar-pelajar yang wujud dalam peringkat sekolah menengah. Aspek-aspek seperti pengalaman menjalani sesi kaunseling dan penerimaan para pelajar terhadap kaunseling individu boleh mempengaruhi perkhidmatan kaunseling yang dijalankan. Hal ini adalah penting untuk diketahui supaya pihak yang terlibat dapat mengendalikan program-program untuk meningkatkan lagi kualiti guru bimbingan dan kaunseling untuk berhadapan dengan cabaran yang lebih besar dalam dunia perkhidmatan kaunseling yang pesat berkembang.

Sumbangan keempat pula ialah sumbangan kepada negara. Kajian ini juga ingin melihat pendekatan kaunseling individu yang dapat membantu atau menyumbang dalam perkembangan dari sudut sahsiah dalam kalangan para pentadbir pada peringkat sekolah sehingga peringkat tertinggi pengurusan pendidikan. Kaunseling individu adalah penting kepada pendidikan pada setiap peringkat dalam pentadbiran Malaysia kerana menerusi RMK-9 (Teras Kedua Misi Nasional 2006-2020) telah digariskan iltizam membangunkan modal insan iaitu dengan meningkatkan keupayaan pengetahuan kreativiti, inovasi serta memupuk minda kelas pertama. Iltizam tersebut hanya dapat dicapai sekiranya tepat pendekatan kaunseling individu dilaksanakan dengan sebaiknya.

1.9 Organisasi Tesis

Dalam kajian tesis ini terdapat lima bab. Bab pertama dalam tesis ini merupakan Bab Pengenalan yang menjelaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, kepentingan dan sumbangan kajian, dan organisasi tesis. Bab ini bertujuan memberikan gambaran awal mengenai pengkajian ini yang bertajuk *'Pengalaman Kaunseling Individu Dan Kesannya Terhadap Perkembangan Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Hulu Langat, Selangor, Malaysia'*.

Bab kedua pula mengkaji sorotan karya dengan lebih mendalam berkaitan kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah pelajar. Dalam bab ini, dibina kerangka konseptual kajian. Kerangka tersebut penting dijadikan panduan dan penstrukturan khusus bagi mencapai objektif kajian secara sistematik.

Seterusnya dalam bab ketiga diuraikan mengenai reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Bab ini penting untuk menetapkan garis panduan metodologi kajian. Metodologi kajian ini digunakan untuk meneliti kajian ini dengan lebih sistematik. Ia digunakan untuk menyempurnakan pencapaian objektif kajian ini.

Selain itu, bab keempat pula mengenal pasti pengalaman kaunseling individu terhadap perkembangan sahsiah dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah di Daerah Hulu Langat. Ia diteliti melalui data primer dan data sekunder dengan menggunakan kaedah temu bual dan rujukan kepustakaan. Setelah mendapat data tersebut, bab kelima pula dijadikan sebagai bab untuk menganalisis perkembangan sahsiah pelajar berdasarkan kaunseling individu yang dilakukan. Analisis ini dilihat sama ada berbeza pendekatan setiap sekolah. Sekiranya berbeza, adakah ia memberikan perbezaan kepada kesan perkembangan sahsiah pelajar? Akhirnya, merumuskan kaedah mana yang lebih sesuai terhadap kesan perkembangan sahsiah dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah.

1.10 Rumusan

Secara rumusannya, bab ini menjelaskan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis. Setelah penjelasan mengenai bahagian-bahagian tersebut, telah memberikan gambaran awal mengenai pengkajian yang ingin dilakukan ini iaitu pengalaman kaunseling individu dan kesannya terhadap perkembangan sahsiah pelajar di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman. (2009). "Kaunseling Untuk Kesejahteraan, Satu Kajian Kes Perkhidmatan Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia", dlm. *Jurnal Personalia Pelajar*, Bil.12, Hal. 1-17.
- Abu Bakar, Zainudin Tawil & Jani. (2010). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke Atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Disiplin Di SMK Ulu Tiram, Johor Bahru. Persepsi Ibu Bapa Terhadap Hukuman Merotan Ke Atas Pelajar Yang Melakukan Kesalahan Disiplin Di SMK Ulu Tiram*. Johor Bahru.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (2005). *Perancangan dan Penilaian*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahyani, L. N. (2010). *Metode Dongeng Dalam Meningkatkan Perkembangan Kecerdasan Moral Anak Usia Prasekolah*. (Tesis master tidak diterbitkan). Fakultas Psikologi: Yogyakarta, Universitas Gadjah Mada.
- Akhmad, Sudrajat. (2008) di akses daripada http://smacepiring.wordpress.com/2008/03/10/Strategi_model_pendekatan_metode_dan_teknik_pembelajaran/, pada 01 Oktober 2015
- Althen, G. (1992). "Kaunseling Untuk Pelajar-Pelajar Melayu". (Terj.) Amla Mohd. Salleh, dlm. *Jurnal Perkama*, Bil. 3 & 4, Hal. 13-28.
- Amaluddin Ab. Rahman. (2008). *Perkhidmatan Kaunseling: Pendekatan Dalam Hikmah Berdawah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Aminah Hashim. (1988). *Masalah yang Dihadapi oleh Pelajar Tingkatan 4 Di Sekolah Menengah dan Orang yang Ditemui untuk Mendapatkan Pertolongan*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Amir Awang. (1987). *Teori dan Amalan Psikoterapi*: Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat. (2006). *Bimbingan dan Kaunseling Sekolah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education*. (6th Ed.). Belmont, C.A. : Wadsworth Thompson Learning.
- Asmah Bee Mohd Nor & Iran Herman. (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Kajang: Tekno Edar.
- Asmawati Suhid. (2009). "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan", dlm. *Jurnal Pendidikan Umum*, Bil. 8, Hal. 167-178.

- Atkinson, D. (1987). "The Mother Tongue In The Class Room: A Neglected Resource, English Language Teaching", dlm. *Journal*, No. 41, Bil. 4, Hal. 241-247.
- Aziz Salleh. (1994). *Kaunseling Islam Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Badriah Sunatri. (2008). *Hubungan Layanan Bimbingan dan Kaunseling Dengan Kesehatan Mental Siswa MAN 12 Duri Kosambi Cengkareng*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. Tidak diterbitkan.
- Badza. (2005) *Jurnal Terjemahan Bimbingan Kaunseling Persepsi Murid Dan Kaunselor Terhadap Kesan Perkhidmatan Bimbingan Di Sekolah Menengah di Zimbabwe*. Diakses daripada <https://azistia.wordpress.com> pada 28 Februari 2015.
- Bailey, A. (2011). *Qualitative Research Methods*. London: Sage Publications Ltd.
- Baily. (1984). *Research Methods For Remedial Therapist*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada fakulti Sains King's College, London, UK . Tidak diterbitkan.
- Bogdan, R. & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative Research for Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Brooten, A. (1978). *Leadership For Change*. Diakses daripada www.amazon.com/A.Brooten/e.com pada 20 Februari 2015.
- Carey, J. C., & Harrington, K. M. (2010). "The School Counseling Program Implementation Survey: Initial Instrument Development and Exploratory Factor Analysis", dlm. *Professional School Counseling*, Bil. 14, Hal. 125-134.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. (Ed. 5). London: Routledge Falmer.
- Cooper, D. E., & Sheffield S. B. (1994). *The Principal-Counselor Relationship In A Quality High School. Quality Leadership And The Professional School Counselor*. (Ed.) Burgess, D. G. dan Dedmond R. M. Alexandria, Virginia: American Counselling Association.
- Corey, G. (2008). *Practice of Counselling and Psychotherapy*. Belmont, C. A.: Thomson Brooks.
- Coyle, A., & Wright, C. (1996). "Using The Counselling Interview To Collect Research Data On Sensitive Topics", dlm. *Journal of Health Psychology*, Bil. 1, Hal. 431-440.

- Creswell, J. W. (2007). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Qualitative and Quantitative Research*. (Ed. 2). New Jersey: Pearson Education.
- Dani Tohir. (2015). *Journal Kaunseling, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan*. Bil. 2 No. 1, Hal. 114-118.
- Davinson, J. (2009). *Managing Stress*. Diakses daripada www.goodreads.com pada 14 Februari 2014.
- Denzin & Lincoln. (1994). *Introduction: Entering The Field of Qualitative Research*. (Ed.) Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. *Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Departemen Agama Republik Indonesia (1994). *Al-Quran dan Terjemahannya*. Indonesia: CV. Adi Grafika Semarang.
- Dey. (1993). *Qualitative Data Analysis: A User Friendly Guide for Social Scientists*: London: SAGE Publications Ltd.
- Ee Ah Meng, Suppiah Nachiappan & Taquddin Abd. Mukti. (2011). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Fadilah Zaini. (2006). *Peranan Kaunselor Dalam Pembangunan Pelajar: Kajian Kes Terhadap Kaunseling*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Kuantan, Pahang. Tidak diterbitkan.
- Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2008). *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Flick. (1998). *An Introduction to Qualitative Research*: Newbury, C. A.: Sage Production.
- Florence, F. (2007). *Hubungan Tahap Kecerdasan Emosi Dengan Tahap Kepuasan Kerja Dan Tahap Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Di Bandaraya Kuching, Sarawak*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Furlong, A. (2009). "Revisiting Transitional Metaphors: Reproducing Social Inequalities Under The Conditions Of Late Modernity", dlm. *Journal of Education and Work*, No. 22, Bil. 5, Hal. 343-353.
- Gibson, R. L., & Mitchell, M. (2009). *Introduction To Counselling Ang Guidance*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Gilman, R., Huebner, E. S. & Furlong, A. (2009). *Handbook of Positive Psychology in The Schools*. New York: Routledge.

- Goodson & Sikes. (2001). *Life History Research In Educational Setting: Learning From Lives Buckingham*. UK: Open University.
- Gora. (1992). *Operations Research Proceedings 1997: Selected Papers of the Symposium on Operations Research*. Diakses daripada <http://www.google.com.my> pada 22 Februari 2015.
- Grummon, D. L. (1979). *Client-Centered Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Gysbers & Sun. (1997). "Comprehensive guidance and counseling programs: A rich history and a bright future", dlm. *Professional School Counseling*, Bil. 4, Hal. 246-256.
- Hairunnizam Wahid, Jaffary Awang, Rozmi Ismail, Kamaruddin Salleh & Mohamad Alinor Abdul Kadir. (2007). *Pembangunan Modal Insan Melalui Pendidikan Sekolah Agama: Satu Kajian Awal Di Sekolah Menengah Agama Bandar Salak Tinggi*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Harper, J. F., Marshall & Elizabeth. (1991). "Adolescents Problems And Their Relationship To Self Esteem, Macquarie School Of Behavioral Sciences", dlm. *Journal adolescence*. No. 26, Bil. 104, Hal. 799-808.
- Heppner, P., Kivlighan, D. & Wampold, B. (1999). *Research Design in Counseling*. Pacific Grove, C. A.: Brooks & Cole.
- Hoe Foo Terng. (1999) *Perbandingan Keberkesanan Program Pendidikan Jasmani Di Sekolah Menengah Kebangsaan Lelaki dan Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Daerah Klang Negeri Selangor*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia. Diterbitkan.
- Institute of Amerika Medecine. (1997). Diakses daripada http://edu /Global/ New/202014 _Announcement/IOM-become _NAM-Press-Release.aspx pada 15 November.
- Jabatan Pelajaran Selangor (2014), *Sumber Laporan Jumlah Kes Salah laku Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Daerah (Januari-Jun 2013)*.
- Jones, D. P. H. (2001). *The Assessment of Parental Capacity*. (Ed.) Horwath, J. London: Jessica Kingsley.
- Jorgensen, D. L. (1989). *Participant Observation: Methodology For Human Studies*. Newbury, C. A.: Sage Publications.
- Kagan, J. (1988). "Temperamental Factors In Human Development", dlm. *American Journal Psychologist*, Bil. 46, Hal. 856-862.
- Kail, R. V. & Cavanaugh, J. C. (2010). *Human Development: A life-Span View*. New York : Cengage Learning.

Kamus Dewan. (2005). (Ed. 4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kandar Selamat & Asnul Dahar Minghat. (2009). *Memenuhi Keperluan Modal Insan Melalui Latihan Berasaskan Ketrampilan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kartina Rarimin. (1991). *Peranan Bimbingan dan Kaunseling Dalam Usaha Meningkatkan Kesedaran Pelajar Terhadap Pemikiran Vokasional*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tidak diterbitkan.

Kartini Kartono. (1980). *Pengantar Metodologi Research*. Bandung: Alumi Press.

Kasmani Ismail. (2000). *Persepsi Pelajar-Pelajar Terhadap Kaunselor dan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling: Kajian Perbandingan Berdasarkan Tempoh Penubuhan Sekolah*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tidak diterbitkan.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Diakses daripada <http://www.moe.gov.my> pada 25 Januari 2014.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1993). *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Unit Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1993). *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah: Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). "Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes", dlm. *Journal of Islamic and Arabic Education (JIAE)*, No.1, Bil. 2, Hal. 1-14.

Knox, S., Hess, S., Petterson, D. & Hill, C. E. (1997). "A Qualitative Analysis Of Client Perceptions Of The Effects Of Helpful Therapist Self- Disclosure In Long-Term Therapy", dlm. *Journal of Counselling Psychology*, Bil. 44, Hal. 274-283.

Leong Kwai Ying. (1985). *Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah: Satu Kajian Kes*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Tidak diterbitkan.

- Levine, D. U., & Lezotte, L. W. (1990). *Unusually Effective Schools*. Madison, WI: The National For Effective Schools Research and Development.
- Levy, M. R., & Windahl, S. (1985). *The Concept of Audience Activity*. (Ed.) Rosengren, K. E., Wenner, A. & Palmgreen, P. Beverly Hills, C. A.: Sage Publications.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Shah Alam, Selangor. Perpustakaan Negara Malaysia.
- M. Asrar Sidon & Badlihisam M. Nasir. (2012). *Perspektif Guru J-Qaf Terhadap Islam Hadhari: Kajian di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Daerah, Hulu Langat, Selangor*.
- Malek Mohamat Said. (2007). *Mengurus Khidmat Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publications Sdn. Bhd.
- Manulang. (1984). *Manajemen Personalia*. Jakarta: P.T Ghalia Indonesia.
- Marohaini Yusoff. (2001). *Pengkajian Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1995). *Designing Qualitative Research*. Thousand Oaks, C. A.: Sage Publications.
- Mayring. (1983). *Qualitative Content Analysis: Forum Qualitative Social Research*. Diakses daripada <http://nbn-resolving.de/urn:nbn> pada 22 November 2014.
- Maznah Baba & Zainal Madon. (2007). *Kaunseling Individu*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publications Sdn. Bhd.
- Mazura Anuar, Fairus Muhamad Darus & Syed Yusainee Syeh Yahya. (2006). *Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Pembangunan Pelajar bertempat di Hotel Grand Season, Kuala Lumpur pada 8-9 Ogos 2006.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications In Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley and Sons.
- Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. (Ed. 2). Thousand Oaks, C. A.: Sage Publications.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim. (2003). *Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, di Sekolah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Mohammad Nasir Bistaman, Ahmad Jazimin Jusoh, Syed Salim, & Md. Noor Saper. (2009). *Kemahiran Bimbingan dan Kaunseling*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohamed Fadzil Che Din (2012). *Pengenalan Kaunseling*. Kota Bharu : Excellent Mind Resources.
- Mohamad Ghazali Muslim. (1986). *Persepsi Pelajar dan Kesannya terhadap Personaliti Kaunselor*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohammad Noor Mohid. (2004). *Kajian Keperluan Kemudahan Pelajar Universiti Teknologi Mara*. Perak: Kampus Seri Iskandar.
- Mohd. Mashor Mustafa. (1987). *Kajian Terhadap Penerimaan Kaunselor Di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Said, Sharani & Salleh Amat. (2009). *Proses dan Pelaksanaan Perkhidmatan Kaunseling Satu Pengalaman di Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Kaunseling bertempat di Palace Of The Golden Horse, Seri Kembangan, Selangor pada 3-5 November 2009.
- Mohd. Sattar, Mohd. Rosdi & Rose Amnah. (2013). "Amalan Kaunseling Sekolah Di United Kingdom dalam Meningkatkan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja", dlm. *Journal of Human Capital Development*, Bil. 6, Hal. 51-68.
- Morgan, O. L. (1997). *Focus Groups As Qualitative Research*. (Ed. 2). California: Sage Publications.
- Mullis, F., & Edwards, D. (2001). "Consulting with parents: Applying family systems concepts and techniques", dlm. *Journal Professional School Counseling*, No. 5, Hal. 116-123.
- Neuman, W. L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (2006). *Islam Dan Pengurusan Organisasi*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (JAKIM). Diakses daripada <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php> pada 20 Februari 2014.
- Onaji & Simatwa. (2010). Diakses daripada <http://www.academicjournals.org/article/article> pada 12 September 2014.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Otwell & Mullis. (1997). "Consulting With Parents: Applying Family Systems Concepts And Techniques", dlm. *Journal Professional School Counseling*, No. 5, Hal. 116-123.
- Padgett, D. K. (1985). *Qualitative Methods in Social Work Research: Challenges and Rewards*. Thousand Oaks, C. A.: Sage Publications.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. (Ed. 2). Newbury Park: Sage Publications.
- Paulson, B., Truscott, D., & Stuart, J. (1999). "Clients Perceptions of Helpful Experiences in Counselling", dlm. *Journal of Counselling Psychology*, No. 46, Hal. 317-324.
- Prior, L. (2003). *Using Documents in Social Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Riam Srithong. (1997). *Competency needs of student academic advisors as perceived by administrators, student academic advisors and students in teachers' colleges in Thailand*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Rogers, C. (1951). *Client-Centered therapy: Its Current Practice, Implications and Theory*. Boston: Houghton Mifflin.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Malaysia: Prentice Hall Pearson.
- Salema Ahmad. (2006). *Amalan Nilai-Nilai Murni dalam Kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Sapora Sipon & Hapshah Yusof. (2010). *Pengenalan Kepada Profesion Kaunseling*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sargit Singh Gill. (2006). *Hubungan Etnik*. Selangor: Oxford Fajar.
- Seale, C. F. (2002). *The Quality of Qualitative Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Shahizan Hassan, Tsai Chen Chien & Saw Hooi Chin. (2006). *Intrapersonal dan Interpersonal Untuk Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

- Shanmugan A/L Thaathan. (1998). *Persepsi dan Penggunaan Unit Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling: Perbandingan Antara Pelajar Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Sharif & Roslee (2003). Kertas Kerja Pengkat Antarabangsa dibentangkan *Seminar Guru-guru Agama Singapura 14-15 Jun 2003*, Wisma Indah Changi Road, Anjuran Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura.
- Shertzer, B. & Stone, S. C. (1992). *Fundamental of Counseling*. (Ed. 3). Boston: Houghton Mifflin.
- Sidek Mohd. Noah, Nordin Kardi, Mohd Yusoff Ahmad, Shamsudin Hussin, & Halimatun Halaliah Mokhtar. (2005). "Status dan Keberkesanan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Di Sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia", dlm. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, Bil. 7, Hal. 113-131.
- Silverman, D. (2000). *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. London: Sage Publications Ltd.
- Sink, C. A., & Stroh H. R. (2003). "Raising Achievement Test Scores of Early Elementary School Students Trough Comprehensive School Counseling Programs" dlm. *Journal of Professional School Counseling*, Bil. 6, No.5, Hal. 352-364.
- Siti Aminah Soepalarto. (2008). *Psikologi Perkembangan Anak dan Remaja*, Bandung. PT. Remaja Rosda Karya.
- Soekanto Soerjono. (1983). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Spradley, J. P. (1980). *Participant Observation*. Orlando, F. L.: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Stake, R. E. (2005). *Qualitative Research*. New York: The Guilford Publications.
- Stiles, W. B. (1993). *Qualitative Research Method for Psychologist Introduction Through Empirical Studies*. San Diego, C. A.: Elsevier Inc.
- Suradi Salim. (1994). *Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling: Kajian Keperluan Pelaksanaan & Prospek*. Kuala Lumpur: Pustaka Akademik.
- Syed Arabi Iddid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Chow Yong. (2000). *Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling*. Latihan Ilmiah yang diserahkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.

- Taziah Talib. (1998). *Perbandingan Pengetahuan dan Sikap Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Antara Pelajar Aliran Sains dan Aliran Sastera: Satu Tinjauan Di Sabah*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Uma Sekaran. (2000). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. (Ed. 4). India: Wiley Pvt.
- Wallace. (2012). Diakses daripada <http://www.wallacefoundation.org/knowledge-center/school-leadership/key-research/Pages/Investigating-the-Links-to-Improved-Student-Learning.aspx>: pada 26 November 2014.
- Watts & Thomas. (1997). "Inclusive Schools for An Inclusive Society: British", dlm. *Journal of Special Education*, Bil. 24, Hal. 103-107.
- Yamit & Zulian. (2002). *Manajemen Kualitas Produk dan Jasa*. (Cet. 2). Yogyakarta: Penerbit Ekonisia.
- Yin, R. K. (1994). *Applications of Case Study Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Yusuf Abas. (1991). *Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah atas Negeri di Pontianak, Indonesia*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Universiti Putra Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zainuddin Abu, Zuria Mahmud, & Salleh Amat. (2008). "Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes". *Jurnal Pendidikan*, Bil. 33, Hal. 107-123.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.